

PENCAPAIAN INSTITUT AL-QURAN DARUL AMAN (IQDAR) DAN SUMBANGAN ALUMNI DALAM PENGEMBANGAN PENGAJIAN AL-QURAN DI MALAYSIA

ACHIEVEMENTS OF AL-QURAN DARUL AMAN INSTITUTE (IQDAR) AND CONTRIBUTION OF ALUMNI IN THE DEVELOPMENT OF AL- QURAN STUDIES IN MALAYSIA

'Imaaduddin Abdul Halim¹
Ahmad Termizi Ab Lateh^{2*}
Zulkifli Dahalan³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia,
(Email:imaaduddin@uitm.edu.my)

^{2*}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia,
(Email:ahmadtermizi8780@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia,
(Email:zuldahl@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 24-8-2023
Revised date : 25-8-2023
Accepted date : 5-1-2024
Published date : 11-1-2024

To cite this document:

Abdul Halim, I., Ab Lateh, A. T., & Dahalan, Z. (2023). Pencapaian institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) dan sumbangan alumni dalam pengembangan pengajian Al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 458 – 467.

Abstrak: *Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) merupakan salah sebuah institusi tahfiz milik penuh kerajaan negeri Kedah yang berada di utara Malaysia. Sejak penubuhannya, IQDAR telah melahirkan ratusan alumni dalam bidang pengajian Islam khususnya bidang tahfiz al-quran wal Qiraat. Artikel ini bertujuan melihat dari segi pencapaian dan sumbangan alumni dalam memartabatkan pengajian al-Quran di Malaysia khususnya di utara tanah air. Artikel ini terlebih dahulu akan menyoroti sejarah penubuhan IQDAR diikuti dengan pendekatan metodologinya dalam mempelajari bidang tahfiz. Seterusnya akan mengenal pasti sumbangan dan pencapaian alumni dalam pelbagai sektor yang diceburi. Kajian ini juga mendapati bahawa alumni IQDAR telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan pengajian tahfiz al-Quran serta peranan yang dimainkan oleh alumni dalam masyarakat khususnya.*

Kata kunci: *Institut Al-Quran Darul Aman, alumni, pencapaian, sumbangan, pengajian tahfiz*

Abstract: *Darul Aman Al-Quran Institute (IQDAR) is one of the tahfiz institutions fully owned by the Kedah state government located in the north of Malaysia. Since its establishment, IQDAR has produced hundreds of alumni in the field of Islamic studies, especially in the field of tahfiz al-quran wal Qiraat. This article aims to look at the achievements and contributions of alumni in dignifying the study of the Quran in Malaysia, especially in the north of the country. This article will first highlight the history of the establishment of IQDAR followed by its*

methodological approach in studying the field of tahfiz. Next will identify the contributions and achievements of alumni in the various sectors they are engaged in. This study also found that IQDAR alumni have made a significant contribution to the development of tahfiz al-Quran studies as well as the role played by alumni in society.

Keywords: *Darul Aman Al-Quran Institute, alumni, achievements, contributions, tahfiz studies*

Pendahuluan

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu untuk membaca, menghafaz dan memahami al-Quran. Pengajian tahfiz juga telah diperkenalkan sejak zaman pra kolonial lagi dan mula diinstitusikan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Pembangunan pendidikan al-quran di negara ini menunjukkan kemajuan yang sangat positif dengan adanya Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran semenjak dahulu sehingga kini (Azman Ab Rahman, 2020). Perkembangan ini teretus lantaran masyarakat Islam telah mula menyedari kepentingan al-Quran sebagai wadah bagi kemajuan hidup. Pengajian tahfiz juga sebagai salah satu platform untuk masyarakat menterjemahkan kesedaran Islam. Terdapat institusi tahfiz di bawah kerajaan namun tidak mampu untuk menampung jumlah permintaan yang tinggi daripada masyarakat. Kesannya telah membuka ruang dan peluang bagi pembukaan institusi tahfiz swasta dan persendirian bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Sistem pendidikan negara Malaysia sangat terkehadapan dalam memartabatkan pengajian tahfiz al-Quran. Namun begitu, masih ada beberapa aspek perlu diambil perhatian dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pendidikan tahfiz negara. Jika dilihat sistem pendidikan tahfiz negara masih berada pada tahap sederhana berbanding pendidikan arus perdana.

Antara matlamat utama pendidikan tahfiz al-Quran untuk melahirkan para huffaz yang dapat memelihara kemutawatiran al-Quran. Apakah mereka dijamin memelihara al-Quran selayaknya sebagai seorang hafiz al-Quran? Bagi menjawab persoalan ini maka satu mekanisme harus diwujudkan bagi melihat keberhasilan melahirkan huffaz. Pakar-pakar pendidikan antaranya Bloom (1956) mencadangkan pentaksiran sebagai alat ukur untuk melihat sejauh mana matlamat dan objektif sesebuah pembelajaran tercapai.

Pentaksiran adalah sesuatu yang dinamik dan penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa untuk memberi impak yang lebih baik kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang dipelajari (Khalid Ahmad Dahlan, 2016). Pelaporan yang menggambarkan penguasaan pelajar perlu disediakan supaya memberi impak kepada pelajar. Pelaksanaan pentaksiran yang mengikut kaedah yang betul dan standard akan menghasilkan pelaporan yang tepat dan mempunyai ciri keabsahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini kerana pentaksiran adalah sebagai alat ukur untuk melihat tercapainya matlamat dan objektif pembelajaran.

Tumpuan kepada kejayaan seseorang pelajar menghafaz al-Quran ialah semasa mereka menuntut di pusat pengajian. Namun selepas tamat pengajian dan khatam al-Quran atau menyambung pengajian diperingkat seterusnya atau melangkah ke alam kerjaya, mereka tidak lagi mengadap guru untuk tasmik al-Quran. Oleh kerana itu tidak hairan jika pelajar yang baik hafazannya semasa menuntut sudah tidak lagi mampu mengingat al-Quran dengan fasih di masa alam kerjaya (Khairul Anuar, 2016).

IQDAR konsisten dalam mewujudkan persekitaran ideal dan kondusif bagi memastikan kelangsungan pembelajaran tahfiz berjalan dengan jayanya. IQDAR telah melaksanakan ujian pencapaian pelajar pada setiap semester pengajian. Kedua-dua ujian syafawi (lisan) dan tahriri (bertulis) adalah untuk mengetahui tahap pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap hafazan mereka supaya mereka lebih yakin apabila berada dilapangan masyarakat.

IQDAR telah muncul sebagai sebuah institusi pengajian tahfiz yang penting dan berpengaruh di utara tanah air. Institusi ini juga telah banyak meninggalkan kesan dan pengaruh terhadap proses pengajian al-Quran di negara ini terutama dalam memacu perkembangan dan pembaharuan pengajian al-Quran selari dengan perkembangan zaman. Institusi ini juga telah melahirkan ratusan alumni yang berperanan dan menyumbang kepada memartabatkan pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia.

Justeru itu, kajian ini memfokuskan terhadap pencapaian dan sumbangan alumni IQDAR dalam pengajian tahfiz al-Quran. Latarbelakang sejarah penubuhan IQDAR disoroti bagi memperlihatkan kedudukan penting sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bidang tahfiz di utara Malaysia. Seterusnya, keistimewaan dan keunikan sistem pengajian tahfiz al-Quran di IQDAR akan ditinjau bagi melihat proses pembaharuan yang telah dilakukan oleh institusi ini terhadap pengajian tahfiz al-Quran. Akhirnya, kajian ini memfokuskan sumbangan alumni IQDAR yang mempunyai kedudukan dan pengaruh penting dalam komuniti masyarakat.

Objektif Kajian:

1. Menyoroti sejarah penubuhan Institut al-Quran Darul Aman
2. Mengenalpasti sumbangan dan pencapaian alumni Institut al-Quran Darul Aman

Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan kajian kepustakaan bagi meninjau sejarah dan keistimewaan pengajian al-Quran di IQDAR. Manakala bagi sumbangan tokoh alumni, pengkaji telah sedaya upaya mengumpulkan data-data tokoh alumni IQDAR pada sepuluh generasi pertama penubuhan institusi tersebut melalui sumber lisan daripada alumni sendiri. Ketiadaan pengkalan data alumni yang lengkap menyukarkan pengkaji untuk memastikan kesemua nama tokoh alumni bidang al-Quran institusi tersebut dapat dimasukkan dalam senarai ini. Selain itu, terdapat juga tokoh-tokoh alumni dari zaman awal penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Kedah (MTQK) dan sumbangan besar mereka terhadap pengajian tahfiz al-Quran. Namun, pengkaji mengharapkan pandangan, komen dan cadangan balas daripada pembaca bagi memperbaiki artikel ini di masa hadapan.

Latarbelakang Sejarah Institut al-Quran Darul Aman

Sejarah Penubuhan IQDAR

Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Kedah ditubuhkan pada tahun 1985 dengan pengambilan pertamanya seramai 10 pelajar dan ditempatkan di Rumah Saudara Baru, Jalan Teluk Wanjah Alor Setar (tapak menara zakat). Negeri Kedah adalah merupakan negeri yang kedua menubuhkan Maahad Tahfiz dibawah pengurusan kerajaan. Maahad Tahfiz ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan dibantu oleh Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) dari sudut kewangan. Tujuan penubuhan adalah untuk memperkasakan al-Quran di Negeri Kedah, melahirkan para ulama yang mantap berteraskan al-Quran dan Sunnah serta melahirkan lebih ramai para huffaz dinegeri Kedah. Pada tahun 1986 Maahad Tahfiz telah dipindahkan ke bangunan Yayasan Islam Negeri Kedah di Seberang Perak dan 1987 Maahad

Tahfiz sekali lagi dipindahkan ke Kuarters JKR No. 933 Jalan Dato, Haji Shuib, Taman Seri Taman. Pada tahun 1994 institusi ini diurus sepenuhnya oleh YINK. Kerajaan Negeri Kedah telah membina bangunan baharu dan siap pada tahun 2001. Pada masa tersebut Maahad Tahfiz telah diurus tadbir oleh Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Pada tahun 2011 pentadbiran Maahad Tahfiz telah dikembalikan kepada YINK dan dinamakan Maahad Tahfiz al-Quran Yayasan Islam Negeri Kedah (MTAQ) (Darul Quran JAKIM, 2020).

Peranan dan objektif utama penubuhan MTAQ adalah bertujuan melahirkan generasi al-Quran yang mantap berteraskan al-Quran dan Sunnah serta melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah yang wajib dipertanggungjawabkan kepada ummah. Pada tahun 2011 MTAQ telah menjalin persefahaman MOU dengan Darul Quran, JAKIM bagi menggunakan modul pengajian syukbah Qiraat dan penganugerahan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat. MTAQ telah dijenamakan semula dan mulai tahun 2015 dengan nama Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR). Selaras dengan penambahbaikan kepada aspek pengajian dan kursus juga dilakukan (Darul Quran JAKIM, 2020).

Perkembangan Pengajian Al-Quran di IQDAR

Sejak penubuhannya, MTQK telah melalui perkembangan yang pesat. Sewaktu diawal penubuhan pada tahun 1985, Pelajar ditawarkan pengajian tahfiz al-Quran selama 3 tahun untuk memperolehi Diploma dan dapat menyambung pengajian di tahun 3 Aliah di Maahad Shubra Mesir. Semasa berada di MTQK pelajar didedahkan dengan matapelajaran yang meliputi bidang al-Quran dan Qiraat sebagai persiapan untuk menyambung pengajian diperingkat lebih tinggi di Maahad Shubra Al-Azhar Mesir. Kini pelajar lulusan diploma tahfiz boleh menyambung pengajian di universiti dalam dan luar negara (Ust Yusof Rashidi. 30 Julai 2023)

Pencapaian Dan Sumbangan Alumni Iqdar Dalam Pengajian Al-Quran

Sejak penubuhan MTQK sehingga penjenamaan semula kepada IQDAR Institusi ini telah melahirkan ratusan graduan dalam pelbagai bidang pengajian al-Quran dan Qiraat. Institusi ini juga telah dinobatkan sebagai penerima anugerah kecemerlangan institutsi dan diiktiraf sebagai sebuah institusi tahfiz terbaik di Malaysia dibawah Darul Quran JAKIM (Ust Yusof Rashidi. 30 Julai 2023).

Justeru kajian ini akan menyoroti pencapaian dan sumbangan yang telah diraih oleh IQDAR dalam mengembangkan pengajian al-Quran. Kajian ini akan membahagikan dua kategori utama iaitu pencapaian IQDAR dan sumbangan para alumninya terhadap perkembangan al-Quran di Malaysia.

Pencapaian IQDAR dalam Proses Pengembangan Pengajian Al-Quran di Malaysia.

Sejak penubuhannya, IQDAR sentiasa menjadi pencetus dan memimpin proses perubahan dan pembaharuan pengajian al-Quran. Tidak dapat dinafikan, pencapaian institusi ini merupakan bukti sumbangan besar institusi ini terhadap perkembangan bidang pengajian tahfiz al-Quran. Ini terbukti melalui penubuhan beberapa Maahad Tahfiz bawah pengelolaan kerajaan negeri khususnya di utara Malaysia hasil daripada penglibatan alumni IQDAR.

Tidak dapat dinafikan, sebahagian besar alumni institusi ini telah berjaya menamatkan pengajian mereka pada peringkat tertinggi. Tambahan pula, sebahagiannya memilih untuk kekal dan pulang berkhidmat menabur bakti di alma meter mereka dan seterusnya menerajui proses pembaharuan pengajian tahfiz al-Quran khususnya di utara Malaysia. Justeru itu, terbukti

bahawa IQDAR telah mengalami proses “regenerative” melalui alumninya yang telah membantu pengembangan pengajian tahfiz al-Quran khususnya di utara semenanjung.

Pembaharuan Dalam Metodologi Pengajian Tahfiz al-Quran

IQDAR sentiasa mengambil langkah proaktif untuk melakukan pembaharuan dalam metodologi pembelajaran tahfiz al-Quran. Berhubung perkara berkaitan dengan metodologi hafazan al-Quran, terdapat beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian-kajian dan penulisan berkaitan. Antaranya ialah gaya pembelajaran tahfiz al-Quran, strategi, kaedah, teknik, aktiviti, penggunaan alat bantuan hafazan, adab, persediaan, proses menghafaz, pengukuhan dan pengekatan hafazan. Pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan melibatkan strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Gabungan antara strategi, pendekatan, kaedah dan teknik perlu dilakukan bagi meningkatkan pencapaian al-Quran (Mohd Aderi, 2008). Menurut Azmil bin Hashim dan Misnan Jemali (2013) kesemua istilah tersebut merangkumi Gaya Pembelajaran Tahfiz al-Quran dan Strategi Pembelajaran Tahfiz al-Quran.

Antara pendekatan pengajian tahfiz yang digunakan di IQDAR dalam era pembangunan teknologi masa kini adalah kombinasi antara tradisional, moden mahupun kedua-duanya sekali.

a) Metode Hafazan Tradisional

Antara teknik hafazan al-Quran secara tradisional dan masih digunakan sehingga sekarang adalah talaqqi, tadarus, tasmik dan takrar (Nasio Dinsir, 2015). Kaedah talaqqi dalam pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan kaedah yang paling asas. Ia dilaksanakan melalui teknik berhadapan dengan para guru. Teknik asas ini dikatakan antara cara yang terbaik untuk pembelajaran dan hafazan al-Quran kerana pemahaman ayat al-Quran sukar diperolehi tanpa guru. Selain itu, rakan-rakan juga boleh membantu seseorang menghafaz al-Quran sebagaimana yang berlaku dalam kaedah tadarus yang membawa maksud saling menyemak, mempelajari serta mengkaji yang boleh menghasilkan penghayatan dan amalan yang sepatutnya. Peranan rakan adalah untuk mengukuhkan hafazan dan memperbetulkan hafazan di antara satu sama lain. Kaedah tadarus ini juga dikenali sebagai kaedah tasmik atau mendengar, namun bezanya bacaan hafazan dalam kaedah tasmik akan dilakukan bersemuka dengan guru yang akan menilai hafazan pelajar. Di samping itu, kaedah mengulang atau lebih dikenali sebagai takrar merupakan antara kaedah yang utama dalam menghafaz al-Quran. Dalam kaedah ini, jumlah takrar merupakan penentu kepada kekuatan hafazan pelajar kerana ia dapat memeriksa kemampuan seorang pelajar untuk melaksanakan hafazan yang baru bersama mengulangi hafazan yang sedia ada.

b) Metode Hafazan Moden

Arus globalisasi turut memberi kesan kepada perubahan proses pembelajaran dan pengajaran dalam bidang hafazan al-Quran. Penggunaan teknologi seperti telefon pintar dan pelbagai aplikasi mudah alih telah memudahkan lagi proses hafazan terutama untuk generasi baharu. Terdapat pelbagai sistem yang dibangunkan dalam membantu proses menghafaz al-Quran yang dulunya dibuat berdasarkan kaedah tradisional, namun bezanya ia melibatkan teknologi terkini (Rashidi Abbas, 2017). Kandungan subjek boleh dilaksanakan secara berkesan melalui aplikasi agen pedagogi animasi (APA) iaitu seperti kaedah secara talaqqi. Aplikasi ini digunakan oleh guru dalam memberikan gambaran berkaitan surah iaitu melalui tayangan animasi. Cara ini sangat menarik dan interaktif sehingga berjaya meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran kerana aplikasi ini telah memupuk minat pelajar dan memudahkan untuk pelajar faham tentang al-Quran serta menghilangkan rasa bosan. E-Halagat merupakan laman

sesawang yang menyerupai situasi tasmik secara elektronik. Ia terdiri daripada tutor, penyelia dan pelajar berdaftar. Tutor akan membantu untuk memberikan kefahaman kepada pelajar berkenaan al-Quran. Ianya juga berfungsi untuk menilai hafazan pelajar sama ada melalui pengesahan sendiri yang dilaksanakan dengan merekod dan mendengar semula suara sendiri bagi mengetahui kesilapan dalam hafazan, mahupun pengesahan automatik iaitu dengan menggunakan teknik pengecaman pertuturan automatik yang dapat menilai bacaan pembaca dan untuk memperbetulkan hafazan ayat al-Quran yang dikendalikan oleh penyelia sesawang. Aplikasi ini kebanyakannya digunakan oleh individu yang mahu menghafaz secara peribadi tanpa bantuan guru (Rashidi Abbas, 2017)

c) Metode Hafazan Hybrid

Meskipun ilmu teknologi moden dijangka boleh membantu proses hafazan al-Quran menjadi lebih mudah, cepat dan berkesan, tidak dinafikan metode tradisional masih lagi membantu para pelajar untuk meningkatkan pengekalannya hafazan dan memotivasikan pelajar. Beberapa institusi tahfiz telah memperkembangkan sistem hafazan al-Quran dengan menggunakan metode hafazan hybrid iaitu integrasi antara metode tradisional dan juga moden agar kepelbagaian gaya dan strategi pembelajaran yang dibangunkan dapat melahirkan huffaz yang berkualiti dan professional (Nor Musliza & Mokmin Basri, 2014).

Kurikulum Pengajian Tahfiz al-Quran Yang Bersifat Semasa

Kurikulum memainkan peranan yang amat penting di dalam pendidikan. Pendidikan yang baik dan bermutu adalah hasil daripada kurikulum yang baik dan bermutu. Darul Quran berfungsi sebagai pusat yang bertanggungjawab membentuk, mengendali dan menyelaraskan pengurusan akademik kurikulum dan peperiksaan kepada semua Institusi tahfiz yang melaksanakan program kerjasama dengan Darul Quran. Satu Lembaga Darul Quran yang terdiri daripada Pengarah DQ, Pengetua-pengetua Institusi Tahfiz dan IPTA berperanan untuk memastikan kualiti pengurusan dan program akademik yang ditawarkan di DQ sentiasa memenuhi standard keperluan semasa sebagai IPT. Bagi memastikan sentiasa kekal relevan dan berdaya saing menghadapi perubahan semasa.

Sehubungan itu, IQDAR sebagai sebuah institusi yang melaksanakan program akademik DQ mengambil pendekatan yang bersifat bersepadu dalam melakukan integrasi antara ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu keduniaan moden. Sehubungan dengan itu, IQDAR telah menengahkan subjek-subjek yang biasa dipakai dalam realiti kehidupan semasa.

Seterusnya, IQDAR juga mengambil pendekatan untuk menggalakkan para pelajar mempelajari ilmu yang bersifat kontemporari bagi memberikan peluang kepada para pelajar di IQDAR untuk mendapatkan pengalaman dan pandangan yang lebih luas dan pelbagai seterusnya menggalakkan berlakunya proses integrasi ilmu pengetahuan terutama di antara ilmu naqli dan aqli.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan usaha penyelarasan pengurusan pendidikan tahfiz, iaitu penghafazan al-Quran di Malaysia yang seragam. Dasar ini mengambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan dan peraturan-peraturan sedia ada di negeri-negeri. Ia bertujuan untuk dijadikan garis panduan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia. Dasar ini telah dipersetujui secara dasar dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MK) Kali ke-61 pada 28 Jun 2016 dan mendapat perkenan Majlis Raja-Raja Kali ke-247 pada 11 Oktober 2017 (DPTN, 2021).

DPTN juga akan berperanan sebagai dokumen rujukan dalam memandu institusi pendidikan tahfiz di seluruh negara bagi menentukan halatuju dan kualiti pendidikan tahfiz selari dengan pendidikan arus perdana. DPTN merupakan asas penting sebagai landasan jangka panjang bagi mewujudkan pendidikan tahfiz berkualiti seterusnya melahirkan modal insan dan generasi al-Quran dengan masa depan yang cerah dan berkeyakinan.

DPTN juga merupakan asas untuk menetapkan model pendidikan tahfiz yang bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke tahap pendidikan tinggi termasuk juga pendidikan sepanjang hayat mengikut acuan Malaysia (DPTN, 2021).

Sumbangan Tokoh Alumni IQDAR dalam Pengembangan al-Quran / Tahfiz

Selain sumbangan secara langsung yang telah diberikan oleh institusi ini dalam usaha pengembangan tahfiz al-Quran, institusi ini juga telah memberikan sumbangan secara tidak langsung dan juga amat penting dalam proses perkembangan al-Quran di negara ini. Sumbangan tersebut datang dari ratusan alumni IQDAR yang telah dihasilkan sejak penubuhannya. Para alumni inilah yang kemudiannya bertebaran dipelusuk negara dan menerajui posisi penting dalam masyarakat. Justeru kajian ini juga akan menyoroti sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh alumni IQDAR terhadap perkembangan al-Quran.

Terdapat beberapa posisi utama yang dipelopori oleh alumni dalam memberi sumbangan kepada masyarakat. IQDAR telah melahirkan ramai tokoh yang telah berperanan dalam masyarakat.

Sumbangan Alumni IQDAR dalam masyarakat (IMAM)

Imam dalam istilah sekarang merujuk kepada mereka yang dilantik oleh pihak berkuasa agama iaitu Jabatan Agama atau Majlis Agama Islam untuk melaksanakan tugas sebagai mengimami atau mengetuai program-program keagamaan. Mungkin lebih luas lagi fungsinya ialah menjadi penanggungjawab agama dan sosial setempat yang mesti menjalankan tugas menyebarkan semangat keagamaan serta memenuhi khidmat kemanusiaan kepada sesiapa yang memerlukan setakat yang termampu. Oleh sebab itu seorang imam biasanya, dikehendaki memenuhi syarat-syarat seperti mempunyai akhlak yang baik dan boleh dijadikan contoh oleh penduduk setempat. Pakaian mencerminkan seorang yang berpegang kuat pada agama dan syarat asas ialah lulus dalam ujian lisan atau tulisan yang diadakan oleh pihak majlis atau jabatan agama negeri.

Tugas sebagai imam tidak hanya terbabit dalam hal ehwal agama di masjid atau surau, bahkan menjadi orang penting dalam pentadbiran dan pengurusan daripada orang hidup hingga mereka yang sudah meninggal dunia. Tugas dan tanggungjawab imam cukup besar, selain komitmen menjaga rumah Allah SWT, mereka juga ada urusan lain yang perlu dilaksanakan, termasuk menguruskan keluarga masing-masing.

Kerja imam juga seperti doktor dipanggil waktu kes kecemasan, imam juga bekerja tanpa mengira siang dan malam, bahkan mengorbankan waktu rehat pada waktu malam bagi menguruskan solat jenazah. (Latifah Arifin, 2018)

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan keatas satu dekad alumni diawal penubuhannya seramai 80 orang terdapat 19.2% yang dilantik menjadi imam ditempat masing-masing. Justeru, sumbangan dan kemenjadian alumni sepanjang satu dekad di awal penubuhannya telah menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Sumbangan Alumni IQDAR dalam bidang Institusi Dakwah dan Pendidikan al-Quran

Selain daripada bidang yang telah dinyatakan di atas, sumbangan alumni dalam bidang dakwah juga tidak dapat dinafikan. Dakwah adalah kegiatan menyampaikan dan mengajarkan ilmu agama kepada seluruh manusia supaya dapat dihayati dalam realiti kehidupan. Hakikatnya dakwah harus mencakup tiga fasa pelaksanaan, iaitu menyampai, membentuk serta membina. Orang yang melakukan dakwah disebut pendakwah. Tokoh keagamaan secara lahiriah ia identik dengan kegiatan keagamaan, iaitu menyampaikan atau memindahkan keilmuannya kepada masyarakat, sehingga tokoh agama dapat disebut sebagai pendakwah. (Neliwati, N., Rizal, S., & Hemawati, H. 2022) Berdasarkan tinjauan yang dijalankan keatas satu dekad alumni diawal penubuhannya seramai 80 orang terdapat 33.6% yang terlibat secara langsung dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat setempat dimasjid dan surau.

Kepesatan institusi tahfiz (IT) menjadi penanda aras bahawa pendidikan tahfiz merupakan antara pilihan masyarakat kini. Senario ini menjadikan institusi tahfiz berkembang dalam pelbagai kategori bagi memberi peluang pendidikan tahfiz kepada setiap peringkat umur. (Mohammad, N. H., & Mohamad Akhir, N. S. 2023) Berdasarkan tinjauan yang dijalankan keatas satu dekad alumni diawal penubuhannya seramai 80 orang terdapat 3.2% alumni yang telah menubuhkan institusi tahfiz secara persendirian bagi menampung keperluan dan permintaan masyarakat. Alumni huffaz di Malaysia adalah aset yang cukup besar untuk dimanfaatkan bagi menjalankan kegiatan dakwah kepada masyarakat.

Pencapaian IQDAR dan Alumni pada tahun 2023

Tahun 2023 telah melabuhkan tirainya. Terdapat beberapa pencapaian diperolehi demi memartabatkan IQDAR sebagai sebuah institusi Tahfiz yang berprestij di utara Semenanjung Malaysia. Antaranya pada 6 November 2023 termeterainya MoU diantara IQDAR dengan Jabatan Mufti untuk memudahkan Tauliah Mengajar Agama Islam di Negeri Kedah. Tujuan MoU ini diadakan antara langkah proaktif IQDAR bagi menangani isu-isu yang berkaitan mengenai ketiadaan Tauliah Mengajar sekaligus menuruti Enekmen yang diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Seminar Bangunan Mahkamah Syariah Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Anak Bukit. (Temubual Yusni Yaakob, 4 Jan 2024).

Manakala pencapaian yang diraih oleh alumni IQDAR antaranya, Pada tanggal 27 Disember 2023 IQDAR telah melakar Sejarah apabila seorang alumninya yang bernama Muhammad Atiqullah telah berjaya memperolehi sanad bacaan al-Quran dari Universiti Islam Madinah.

Seterusnya, pada 7 Disember 2023 seramai 6 pelajar IQDAR terlibat dalam Ihtifal Institut Pendidikan Tinggi Peringkat Kebangsaan 2023 yang bertempat di UniTen.

Saudara Muhammad Zakirul Hafis Bin Mohd Zakir yang merupakan alumni IQDAR berjaya membangunkan “Advanced Tahfiz Akhyar Mobile Game Application (TAG) atau Aplikasi Permainan Tahfiz Akhyar yang merupakan satu idea penyelidikan inovasi yang bakal dibangunkan untuk membantu pelajar-pelajar OKU. Pembelajaran dalam proses menghafaz quran yang merupakan konsep aplikasi permainan mudah alih mesra OKU autism. Idea penyelidikan ini dibangunkan dengan metodologi penyelidikan yang mampan dan sistematik iaitu menerusi kaedah Design and Development (DDR).

Saudari Arifah Mursyidah merupakan alumni IQDAR berjaya memperolehi pingat emas bagi kategori Sains Sosial Pentadbiran & Pengurusan sempena Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET (PERISA) 2023 peringkat kebangsaan (Temu bual Yusni Yaakob, 4 Jan 2024).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya jelaslah menunjukkan bahawa IQDAR telah memainkan peranan dan tanggungjawab yang amat penting dalam proses pengajian tahfiz al-Quran. Latar belakang dan sejarah perjalannya membuktikan bahawa IQDAR muncul diantara institusi pengajian tinggi khususnya dalam bidang tahfiz yang penting diutara tanah air. Pencapaian, sumbangan dan kemenjadian alumni IQDAR terutama dalam memacu bidang pengajian tahfiz diMalaysia. Dapat dilihat dari dua aspek. Pertama, melalui para alumni yang kekal berkhidmat dalam bidang tahfiz secara spesifik dan seterusnya memacu proses pembaharuan kaedah pembelajaran tahfiz. Kedua kualiti alumni yang telah berjaya dihasilkan oleh IQDAR tidak dapat disangkal. Sejak penubuhan IQDAR telah menghasil ratusan alumni yang telah berada diseluruh tanah air khususnya di utara Malaysia dan mengisi kedudukan penting dalam masyarakat. Akhirnya, semoga kajian ini menjadi pencetus untuk menggalakkan lagi usaha pengkajian, penerokaan dan penulisan sejarah IQDAR terutamanya dalam merekodkan sumbangan para alumni IQDAR bagi dijadikan panduan dan iktibar serta inspirasi kepada generasi akan datang.

Rujukan

- Abbas, R. (Nov 2017). Pengajaran Tahfiz Al-Quran Berbantuan Teknologi (Huffaz-M). *Prosiding Konvensyen Sainis Muslim Muda, Pahang, Malaysia*. 1-12.
- Bloom, Benjamin S. et al. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: Cognitive Domain*. London: Longman.
- Che, M. A. N. (2008). *Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Quran Murid Tingkatan Dua Di Malaysia*. Tesis doktor falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Dahlan, K. A. (2016). Kaedah pentaksiran dalam pendidikan tahfiz: ke arah melahirkan huffaz berkualiti tinggi. Dalam Yusoff, M. Y. M. Y. Z. (2016), *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran* (72-75).
- Dinsir, N. (2015). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran*. Laporan Kajian, Universiti Malaya. Diakses daripada [http://www.academia.edu/10495715/\(s\)](http://www.academia.edu/10495715/(s)).
- Hashim, A. & Jemali, M. (2013). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Tahfiz Dengan Pencapaian Hafazan al-Quran : Kajian di Zon Tengah*. Tanjung Malim: UPSI. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.35>.
- <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/09/470022/imam-bukan-sekadar-jaga-masjid-surau>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2020). *Sejarah & Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Malaysia Edisi II*. Selangor : Darul Quran.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Putrajaya: JAKIM.
- Mohamad, K. A. (2016). Sistem kawalan kualiti huffaz. Dalam Yusoff, M. Y. M. Y. Z. (2016), *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran* (65-71).
- Mohammad, N. H., & Mohamad Akhir, N. S. (2023). Kepelbagaian pengurusan, potensi dan cabaran institusi tahfiz di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1). 36-52.
- Musliza, N. & Basri, M. (Jun, 2014). Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of Social Sciences Research*. 827-833.

- Neliwati, N., Rizal, S., & Hemawati, H. (2022). Peranan tokoh agama dalam meningkatkan motivasi pelaksanaan keagamaan masyarakat. *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 9(1), 32–43. <https://doi.org/10.32678/geneologipai.v9i1.6233>.
- Rahman, A. A., Sukari, A., Nozlan, N. N., Zakaria, M. A. & Shakor, M. F. A. (2020). Dasar pemerksaan institusi tahfiz di Malaysia. *The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law*. 285-295.